

13/05/2003

'Dunia perlu contohi Malaysia kekal aman'

KUALA LUMPUR: Canselor Jerman, Gerhard Schroeder, berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana mempunyai Perdana Menteri yang berpandangan jauh.

Beliau berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertindak proaktif mewujudkan suasana yang membolehkan rakyat pelbagai latar belakang agama, budaya dan etnik hidup bersama tanpa sebarang masalah.

Schroeder berkata, dunia seharusnya menjadikan kejayaan Malaysia mengekalkan keamanan dan keharmonian kaum sebagai iktibar bagi mengakhiri perselisihan atau keganasan yang disebabkan perbezaan etnik, budaya atau agama.

"Kebanyakan perbuatan ganas yang berleluasa di dunia sekarang terus merebak kerana ideologi atau fahaman fundamentalis sempit serta tidak menghormati nilai nyawa manusia, sekali gus menghalalkan tindakan membunuh orang yang tidak berdosa semata-mata untuk memaksa perubahan sesuatu dasar.

"Tiada agama di dunia ini membenarkan atau menghalalkan pemusnahan dan tiada bangsa atau agama tertentu lebih berkuasa daripada yang lain, sebaliknya semua pihak harus lebih diplomatik dan sedia berdialog pada peringkat antarabangsa supaya dunia saling memahami pelbagai budaya dan agama yang berbeza.

"Bagaimanapun, perang bukan rumusan bagi mengakhiri keganasan dan ia tidak wajar dibiarkan menjadi satu kebiasaan bagi mengubah dasar sesebuah negara atau memaksa pelaksanaan sesuatu tuntutan," katanya dalam ceramah 'Malaysia dan Jerman: Rakan Dalam Dialog di kalangan Ketamadunan' anjuran bersama Kementerian Luar dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) di sini, semalam.

Schroeder, Canselor Jerman pertama yang berkunjung ke Malaysia memulakan lawatan rasminya tiga hari Ahad lalu bersama 17 anggota delegasi. Beliau dalam rangka lawatan enam hari ke Asia Tenggara dan dijangka melawat Singapura, Jakarta dan Hanoi selepas ini.

Schroeder berkata, serangan 11 September di Amerika Syarikat dua tahun lalu membuka mata masyarakat dunia mengenai kepentingan hidup bertolak ansur dan meningkatkan interaksi dengan menghormati nilai kemanusiaan serta kebebasan yang menjadi hak untuk dinikmati setiap penduduk dunia.

Beliau berkata, kerajaannya sendiri menetapkan pendirian selaras dengan sekutu lainnya di serata dunia untuk menentang keganasan secara habis-habisan dan pada masa sama cuba menyedarkan mereka yang bersimpati dengan keganasan bahawa itu bukan caranya menyampaikan sesuatu mesej.